

TINGKATAN 4 PROGRAM SARJANA SMJK SEG HWA 2025

TAJUK	MS
UNIT 1 : NORMA MASYARAKAT ISU 1 - Norma Masyarakat Yang Patut Diamalkan Oleh Masyarakat Malaysia	1
UNIT 2 : PERIBADI MULIA HIASAN DIRI ISU 1 - Cara Menjaga Maruah Diri Sebagai Seorang Pelajar Dalam Kehidupan	2
UNIT 3 : PRINSIP KEADILAN DAN PRINSIP KEPRIHATINAN ISU 1 - Hukuman Penjara Seumur Hidup	2
UNIT 4 : PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SECARA BERETIKA ISU 1 - Kesahihan Maklumat	3
UNIT 5 : MANTAP INTEGRITI MANTAPLAH DIRI ISU 1 - Amalan Integriti Murid Yang Cemerlang	4
UNIT 6 : KELUARGA BERINTEGRITI KELUARGA DISEGANI ISU 1 - Cara Memupuk Sikap Integriti dalam kalangan anggota keluarga.	4
UNIT 7 : BERPERIKEMANUSIAAN MEMBENTUK MASYARAKAT SEJAHTERA ISU 1 - Faktor pembuangan bayi	5
UNIT 8 : HAK DAN TANGGUNGJAWAB WARGANEGARA ISU 1 - Kepentingan Hak Sebagai Warganegara ISU 2 - Kepentingan Tanggungjawab Sebagai Warganegara	5
UNIT 9 : PERPADUAN MASYARAKAT ASAS KEMAKMURAN NEGARA ISU 1 - Kekangan Yang Dihadapi Dalam Mencapai Perpaduan	6
UNIT 10 : PENGURUSAN PERBELANJAAN SECARA BERETIKA ISU 1 - kesan perbelanjaan tidak beretika terhadap rakyat Malaysia ISU 2 - Faktor Belia Diisytiharkan Muflis	6
UNIT 11 : KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA ISU 1 - Cabaran Dalam Mengekalkan Semangat Perpaduan ISU 2 - Kepentingan Memupuk Semangat Perpaduan ISU 3 - Strategi Dalam Mengekalkan Semangat Perpaduan	7
UNIT 12 : KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA ISU 1 – GeneraSi muda berperanan untuk mempertahankan kedaulatan negara.	8

TING 4 : UNIT 1 : NORMA MASYARAKAT PEMANGKIN KESEJAHTERAAN

Soalan : Norma Masyarakat Yang Patut Diamalkan Oleh Masyarakat Malaysia.

社会规则应该被马来西亚社会实践

Norma masyarakat yang patut diamalkan oleh rakyat Malaysia dalam kehidupan seharian ialah **rakyat Malaysia seharusnya mengikut peraturan dan undang undang negara**. Mereka perlu mengamalkan perlakuan yang sopan dan berakhlak mulia. Sebagai contoh, **tidak menyokong amalan LGBT, pengedaran dadah, rasuah dan sebagainya**. Dengan ini, kehidupan yang harmoni dalam kalangan rakyat Malaysia dapat diwujudkan dan negara akan aman.

Norma masyarakat yang patut diamalkan oleh rakyat Malaysia dalam kehidupan seharian ialah **rakyat Malaysia seharusnya berpegang teguh dengan ajaran agama dan kepercayaan**. Pegangan agama akan menjadi benteng untuk menahan diri daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran agama dan norma masyarakat. Dengan kata lain, **rakyat Malaysia menyokong amalan baik mengikut agama dan kepercayaan masing masing**.

Sebagai contoh, menjauhi budaya hedonisme 享乐主义 seperti pergaulan bebas, ketagihan alkohol dan sebagainya. Jelaslah bahawa, pengetahuan dan didikan agama menjadi penghalang untuk rakyat Malaysia melakukan perkara yang negatif.

TING 4 : UNIT 2 : PERIBADI MULIA HIASAN DIRI

Soalan : Cara Menjaga Maruah Diri Sebagai Seorang Pelajar Dalam Kehidupan

学生在生活当中维护尊严的方法

Cara menjaga maruah diri sebagai seorang pelajar dalam kehidupan ialah **pelajar perlu mengamalkan ajaran agama dan moral dalam kehidupan seharian**. Pelajar dapat membezakan perkara yang baik dan buruk. Pelajar juga tidak akan terikut dengan pengaruh negative seperti pergaulan bebas. Sebagai contoh, **pelajar melibatkan diri dalam program keagamaan dan kem motivasi**. Dengan ini, **pelajar akan mempunyai panduan hidup**.

Cara menjaga maruah diri sebagai seorang pelajar dalam kehidupan ialah **pelajar perlu melibatkan diri dalam program amal atau program kemasyarakatan**. Pelajar dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah. Pelajar tidak membuang masa. Sebagai contoh, **pelajar menjadi sukarelawan dalam program alam sekitar, membantu orang tua dan sebagainya**. Pelajar dapat menjadi contoh yang baik kepada rakan rakan.

TING 4 : UNIT 3 PRINSIP KEADILAN DAN KEPRIHATINAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

Isu	Ming Keong dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup. Namun semasa di dalam penjara dia berkelakuan baik dan telah insaf. Dia membuat rayuan dan berharap hukuman diringankan dan dapat berbakti kepada keluarga dan masyarakat.
KEHENDAK SOALAN:	TINDAKAN apa yang sepatut dipilih dan dilakukan Pilih : - Prinsip Keadilan (menolak kes rayuan) @ - Prinsip Kprihatinan (menerima kes rayuan) JUSTIFIKASIKAN (perlu huraian berdasarkan pilihan yang dibuat)
Nilai / Perasaan	-
Watak	Pihak berkuasa
Isu	Ming Keong dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup. Namun semasa didalam penjara dia berkelakuan baik dan telah insaf. Dia membuat rayuan dan berharap hukuman diringankan dan dapat berbakti kepada keluarga dan masyarakat.
KEHENDAK SOALAN:	TINDAKAN apa yang sepatut dipilih dan dilakukan Pilih : - Prinsip Keadilan (menolak kes rayuan) @ - Prinsip Kprihatinan (menerima kes rayuan) JUSTIFIKASIKAN (perlu huraian berdasarkan pilihan yang dibuat)

Ming Keong dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup. Namun semasa di dalam penjara dia berkelakuan baik dan telah insaf. Dia membuat rayuan dan berharap hukuman diringankan dan dapat berbakti kepada keluarga dan masyarakat.
明强被判终身监禁.但是在监狱中,他改过及品行良好.他要求及希望减轻罪行.他希望可以可以为家庭及社会有所贡献.

Anda sebagai pihak berkuasa, apakah **tindakan** dalam mengatasi kes rayuan tersebut ? Justifikasi jawapan anda berdasarkan prinsip keadilan **atau** prinsip keprihatinan.

身为执法人员,你将会怎么做? 根据公平法则**或**关怀法则来辩解你的答案.

Jawapan (Prinsip Keadilan) 公平法则 :

Sebagai pihak berkuasa (watak), **saya akan menolak kes rayuan (pilihan). Setiap individu perlu mematuhi undang-undang (F1).** Pihak berkuasa (watak) tidak boleh bersikap berat sebelah. Oleh itu, pesalah patut dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahannya. Contohnya hukuman penjara seumur hidup dan hukuman sebat bagi kes berat. Hukuman tersebut dapat memberi pengajaran dan amaran kepada anggota masyarakat.

Penolakan kes rayuan **dapat mengurangkan kes jenayah dalam masyarakat (F2).** Hal ini kerana kes jenayah akan meningkat jika penjenayah tidak dihukum berat. Hukuman tersebut dapat mencegah masyarakat daripada meniru kesalahan yang dilakukan oleh pesalah. Ia dapat memberi penekanan kepada masyarakat supaya mematuhi peraturan dan undang-undang. Hukuman tersebut dapat menyuntik perasaan takut dalam kalangan masyarakat.. Keselamatan dan keamanan masyarakat dapat dikekalkan.

Jawapan (Prinsip Keprihatinan) 关爱法则 :

Sebagai pihak berkuasa (watak), **saya akan menerima kes rayuan (pilihan).** Tindakan ini memberi peluang kepada pesalah untuk memperbaiki kesilapan yang telah dilakukan (F1). Pesalah telah menjalani hukuman di penjara, sekarang dia telah sedar akan kesilapan dan berubah menjadi lebih baik. Pesalah yang telah berubah sikap boleh menjadi contoh kepada anggota masyarakat.

Penerimaan kes rayuan **dapat menjaga hak asasi manusia (F2).** Hal ini kerana pihak berkuasa / saya mengambil kira keperluan pesalah. Contohnya, pesalah ingin kembali ke pangkuan keluarga. Pesalah benar-benar telah berubah dan Insaf serta ingin memulakan kehidupan baharu. Ini dapat mengelakkan pesalah terpinggir daripada menjalani kehidupan normal. Pesalah berpotensi menyumbangkan bakti kepada masyarakat dan negara.

Atau 或 : hanya boleh pilih mana-mana satu Jawapan.只是可以二选一.

TING 4 : UNIT 4 : PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SECARA BERETIKA

Soalan : Bagaimanakah anda boleh memastikan kesahihan sesuatu maklumat atau berita yang diperolehi ?



Kesahihan sesuatu maklumat atau berita boleh diperolehi dengan **menyemak kesahihan berita di laman pihak berkuasa seperti laman Sebenarnya.my.. Kita tidak boleh mudah percaya atau terpedaya** dengan berita yang disebarkan. Penyemakan kesahihan dapat **mengelakkan daripada timbulnya salah faham dan kejadian penipuan** Keyakinan masyarakat terhadap maklumat yang diperolehi bertambah jika maklumat yang diperolehi sentiasa benar. Apabila sesuatu maklumat itu tidak pasti kesahihannya, janganlah berkongsinya dengan orang lain.

Kita perlu memastikan bahawa berita itu **diperoleh daripada sumber yang sahih. Sumber yang sahih adalah seperti laman sesawang pihak berkuasa. Maklumat dari sumber yang diiktiraf akan dapat mengelakkan kejadian fitnah. Pergaduhan secara maya juga dapat dielakkan. Maklumat yang disebarkan akan merupakan maklumat yang benar dan tidak mengelirukan.**

TING 4 : UNIT 5 : MANTAP INTEGRITI MANTAPLAH DIRI

Soalan : Amalan Integriti Murid Yang Cemerlang



Amalan integriti murid yang cemerlang ialah **murid menjalankan peranan dan tugas dengan sebaiknya. Murid menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru dengan bersungguh sungguh.** Hal ini supaya hasil kerja menjadi berkualiti. Sebagai contoh, **tidak meniru hasil kerja orang lain.** Semua tugas dapat disiapkan mengikut masa yang ditetapkan.

Amalan integriti murid yang cemerlang ialah **murid mengamalkan tingkah laku yang terpuji. Murid membantu murid lain yang berada dalam kesusahan.** Hal ini akan menjadikan murid disenangi oleh orang lain. Sebagai contoh, **memberi tunjuk ajar kepada murid lain.** Murid tersebut akan menjadi suri teladan kepada rakan yang lain.

TING 4 : UNIT 6 : KELUARGA BERINTEGRITI KELUARGA DISEGANI

Soalan : Jelaskan cara untuk memupuk sikap integriti dalam kalangan anggota keluarga.

解释在家人当中培养诚信的方法



Cara untuk memupuk sikap integriti dalam kalangan anggota keluarga ialah **sentiasa melaksanakan peranan dan tugas sebagai suami, isteri dan anak.** Setiap anggota keluarga perlu **memberi sumbangan dalam sebuah keluarga** agar menjadi harmoni. Ibu bapa perlu memastikan anak-anak mematuhi dan menjalankan peranan mereka dengan baik. Ibu bapa boleh menetapkan peraturan dan undang-undang keluarga agar dapat dipatuhi oleh anak. Oleh itu, keluarga bahagia akan terbentuk.

Selain itu, cara memupuk sikap integriti dalam kalangan anggota keluarga ialah **ibu bapa menunjukkan teladan yang baik kepada anggota keluarga.** Ibu bapa perlulah mengamalkan sikap yang positif dan proaktif. Ibu bapa perlu menunjukkan perlakuan terpuji seperti bersikap tolak ansur supaya dapat dicontohi oleh ahli keluarga. Ibu bapa perlu meluangkan masa mendengar segala keluhan anak dan cuba untuk menyelesaikannya. Dengan ini, anak-anak akan menjadikan ibu bapa sebagai rujukan apabila ada masalah.

TING 4 : UNIT 7 : BERPERIKEMANUSIAAN MEMBENTUK MASYARAKAT SEJAHTERA

Soalan : Pada pendapat anda, apakah faktor yang menyumbang kepada masalah pembuangan bayi di negara kita ? Huraikan.
 根据你的意见, 什么原因造成我国弃婴课题? 详细说明.



Faktor pembuangan bayi ialah **pegangan agama yang rapuh**. Hal ini disebabkan oleh pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan sehingga mereka tidak takut untuk melakukan perbuatan yang salah dari sisi agama. Sebagai contoh, melakukan aktiviti seks rambang sehingga menyebabkan kehamilan luar nikah. Oleh itu, dalam keadaan terdesak, pasangan ini terpaksa membuang bayi.

Sikap masyarakat yang suka mengkritik dan menghukum remaja yang melahirkan anak luar nikah 私生子 turut mendorong kepada pembuangan bayi. Masyarakat yang memandang serong terhadap remaja yang melahirkan anak luar nikah menyebabkan remaja berkenaan berasa tertekan untuk meneruskan kehidupan. Remaja tersebut juga tidak diberi sokongan daripada pelbagai pihak. Remaja terpaksa membuang bayi untuk memelihara imej dirinya dan keluarga.

TING 4: UNIT 8: HAK DAN TANGGUNGJAWAB WARGANEGARA



Soalan : Kepentingan **HAK** Sebagai Warganegara 国民权力的重要性

Kepentingan menjalankan hak sebagai warganegara ialah **mengelakkan perselisihan faham antara kaum**. Hal ini kerana rakyat tanpa mengira kaum saling memahami antara satu sama lain. Hal ini disebabkan rakyat diberikan hak yang sama rata. Sebagai contohnya, hak untuk memilih dalam pilihan raya. Kesannya, rakyat dapat hidup bersama-sama secara aman.

Kepentingan menjalankan hak sebagai warganegara ialah **dapat melahirkan masyarakat yang berilmu**. Hal ini kerana pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai platform untuk ibu bapa menghantar anak mereka ke institusi pendidikan secara percuma supaya memastikan bahawa tidak ada anak yang terhalang dari mendapatkan pendidikan kerana masalah kewangan. Bantuan turut disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada pelajar yang kurang berkemampuan. Sebagai contohnya, Rancangan Makanan Tambahan, Biasiswa Kecil Persekutuan dan Bantuan Awal Persekolahan . Negara akan berkembang maju kerana masyarakat mendapat pendidikan yang sewajarnya.

Soalan : Kepentingan **TANGGUNGJAWAB** Sebagai Warganegara 国民责任的重要性

Kepentingan menjalankan tanggungjawab sebagai warganegara ialah **membangunkan negara**. Warganegara akan **menyokong dasar Kerajaan** seperti **Dasar Pembangunan Negara (DPN)**. Segala dasar Kerajaan dapat berjalan dengan lancar. **Ekonomi negara akan berkembang pesat. Negara akan bertambah maju.**

Kepentingan menjalankan tanggungjawab sebagai warganegara ialah **memastikan warganegara mempunyai kesetiaan yang tinggi kepada negara**. Warganegara **sentiasa mempunyai semangat cinta akan negara**. Mereka akan **mematuhi peraturan dan undang-undang negara**. Mereka **tidak akan terlibat dengan gejala negatif dan kes jenayah**. Ketenteraman negara akan terjamin.

TING 4 : UNIT 9 : PERPADUAN MASYARAKAT ASAS KEMAKMURAN NEGARA

Soalan : Apakah kekangan yang dihadapi dalam mencapai perpaduan di negara kita ? Bincangkan. 讨论我国在达至团结面对什么阻力.

Kekangan dalam mencapai perpaduan ialah **dari segi penguasaan Bahasa kebangsaan yang lemah**. Rakyat kurang peka terhadap kepentingan menguasai Bahasa kebangsaan. Kelemahan penguasaan Bahasa kebangsaan akan menyukarkan komunikasi antara kaum. Hubungan antara pelbagai kaum tidak dapat dieratkan. Konflik antara kaum akan berlaku dan perpaduan tidak dapat dipupuk.

Rakyat yang bersikap perkauman akan menyebabkan perpaduan sukar dicapai. Terdapat segelintir rakyat yang berpandangan serong terhadap kaum lain. Mereka menganggap kaum sendiri lebih baik daripada kaum lain. Mereka tidak bersedia menerima agama dan budaya kaum lain. Rakyat yang bersikap etnosentrisme ini sentiasa mengagungkan bangsa sendiri menyebabkan rakyat tidak dapat bersatu padu.

TING 4 : UNIT 10 : PENGURUSAN PERBELANJAAN SECARA BERETIKA

Soalan : Huraikan kesan perbelanjaan tidak beretika terhadap rakyat Malaysia. 解释没有节俭消费对马来西亚人民的后果.

Kesan perbelanjaan tidak beretika ialah rakyat Malaysia **tidak mempunyai wang simpanan**. (F1) Hal ini berlaku apabila rakyat Malaysia tidak memperuntukkan sebahagian wang daripada pendapatannya untuk simpanan bulanan. Rakyat menggunakan kesemua pendapatannya untuk mengejar kehidupan yang mewah. Contohnya, menghabiskan pendapatan untuk membeli beg jenama LV pada setiap bulan. Rakyat Malaysia akan mengalami masalah kewangan apabila berhadapan dengan masa kecemasan. Sikap perbelanjaan tidak beretika akan menyebabkan rakyat Malaysia tidak mampu menyediakan diri untuk menghadapi masa kecemasan.

Rakyat Malaysia akan **mengalami masalah hutang**. (F2) Hal ini berlaku apabila rakyat Malaysia mengejar kehidupan yang mewah tanpa meneliti status ekonominya. Rakyat akan berbelanja melebihi kemampuan diri. Rakyat akan menggunakan kad kredit untuk berbelanja melebihi pendapatan bulanan. Akibatnya, dia tidak mampu membayar hutang dan tertunggak hutang tersebut untuk dibayar kemudian. Hal ini bertambah serius kerana pembayaran hutang kad kredit yang tidak mengikut tempoh pembayaran yang ditetapkan akan dikenakan faedah yang tinggi. Rakyat Malaysia yang tidak menguruskan perbelanjaan secara beretika akan dibelenggu oleh masalah hutang dan seterusnya diisytiharkan muflis. 破产

TING 4 : UNIT 11 : KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

Soalan : Jelaskan **cabaran** untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.

解释维持马来西亚人民独特性的挑战

Cabaran untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia ialah **pengaruh dari budaya luar**. Rakyat Malaysia masa kini lebih suka mengikut budaya moden dari negara luar. Contohnya, meniru cara berpakaian k-pop. Mereka mudah terpengaruh dengan budaya negatif dari luar. Rakyat Malaysia **tidak akan mempelajari dan minat dengan keunikan budaya sendiri**. Budaya tempatan akan hilang ditelan zaman.

Rakyat Malaysia mempunyai sikap mementingkan budaya kaum sendiri. Rakyat Malaysia hanya mengambil tahu mengenai adat dan budaya kaum sendiri sahaja. Mereka tidak ingin mempelajari budaya kaum lain. Mereka menganggap budaya kaum sendiri lebih baik daripada budaya kaum lain. Sikap prejudis terhadap budaya kaum lain akan timbul. **Keunikan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum tidak akan dapat diamalkan.**

TING 4 : UNIT 11 : KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

Soalan : Huraikan **kepentingan** untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.

概述维持马来西亚人民独特性的重要性

Kepentingan mengekalkan keunikan rakyat Malaysia ialah **memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat**. Rakyat Malaysia yang pelbagai kaum bersama-sama mengenali budaya kaum lain. Contohnya, mengunjungi rumah terbuka perayaan kaum lain. Hubungan antara pelbagai kaum dapat dieratkan. Masyarakat akan hidup aman dan harmoni kerana memahami budaya kaum lain. **Keunikan budaya rakyat Malaysia dapat menjamin kesejahteraan masyarakat.**

Pengekalan keunikan rakyat Malaysia dapat **meningkatkan imej negara**. Pelbagai budaya dapat diperkenalkan kepada masyarakat negara luar. Contohnya, keunikan dari segi pakaian, makanan dan tarian. Rakyat negara luar berminat untuk mengenali budaya negara kita. Ramai pelancong datang ke negara kita. Sektor pelancongan akan berkembang dan ekonomi negara dapat ditingkatkan.

TING 4 : UNIT 11 : KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

Soalan : Jelaskan **strategi** 方法 untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.

解释维持马来西亚人民独特性的方法

Strategi untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia ialah **ibu bapa perlu mengamalkan adat dan budaya di rumah**. Ibu bapa dapat memperkenalkan kepada anak-anak pelbagai keunikan yang ada pada setiap kaum. Adat dan budaya tidak akan dilupakan pada masa akan datang. Generasi muda dapat mewarisi pelbagai keunikan yang ada pada rakyat Malaysia. Contohnya, memakai pakaian tradisional semasa hari perayaan. Peranan ibu bapa perlu dalam menjamin keunikan rakyat Malaysia tidak akan pupus.

Strategi mengekalkan keunikan rakyat Malaysia ialah **kerajaan boleh mengadakan pelbagai program dan kempen melibatkan budaya pelbagai kaum lain**. Contohnya Festival Makanan Tradisional dan pertandingan pakaian tradisional pelbagai kaum. Ini dapat menarik minat rakyat Malaysia mengenali dan mempelajari budaya setiap kaum. Budaya rakyat Malaysia akan terus diamalkan dalam kehidupan.

TING 4 : UNIT 12 : KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Soalan : Sebagai generasi muda, bagaimanakah anda perlu berperanan untuk mempertahankan kedaulatan negara 身为新生代,你如何维护国家的主权?

Sebagai generasi muda, saya akan mempertahankan kedaulatan negara dengan **sentiasa taat kepada raja dan negara**. (F1) Saya akan mengekalkan jati diri dan identiti diri saya sebagai warganegara Malaysia. Saya sentiasa memberi sokongan sepenuhnya kepada kepimpinan negara. Contohnya saya akan menyokong dasar-dasar negara dalam bidang sosial, ekonomi dan politik. Pentadbiran negara dapat berjalan lancar. Tindakan saya dapat mengukuhkan kedudukan raja negara serta kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa. Kuasa asing tidak ada alasan untuk campur tangan dalam kedaulatan negara.

Saya harus menunjukkan **semangat cinta akan negara**. (F2) Saya mempunyai semangat sanggup mengorbankan diri untuk mempertahankan kedaulatan negara. Saya akan mencontohi sikap pejuang-pejuang kemerdekaan negara seperti Dato Maharaja Lela untuk mempertahankan kemerdekaan negara daripada ancaman kuasa asing. Misalnya, saya akan mendaftarkan diri sebagai ahli pasukan tentera negara sekiranya peperangan tercetus di negara kita. Tindakan saya dapat menjamin keselamatan negara dan mengelakkan tanah air tercinta daripada cengkaman kuasa asing.

你的态度决定天的高度

Sikap menentukan keinginan seseorang individu untuk menyempurnakan sesuatu tugas

态度决定人们
愿意不愿意
去完成某些任务

Proaktif 积极努力
Disiplin 自律
Bertanggungjawab 有责任感
Keyakinan diri 相信自己
Berwawasan 有理想的

成功
在前方
等你